

AN ANALYSIS OF ARABIC LANGUAGE SYLLABUS APPROPRIATENESS LEVEL IN THE FACULTY OF MUAMALAT AND ISLAMIC FINANCE KUIPs

ANALISIS TAHAP KEWAJARAN SILIBUS BAHASA ARAB DI FAKULTI MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM (FMKI) KUIPs

Roshimi Abdullahⁱ, Fathullah Asniⁱⁱ & Ku Mohd Syarbainiⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). mohdroshimi@kuiips.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*) Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). fathullah@kuiips.edu.my.

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). syarbaini@kuiips.edu.my

Abstract	<p><i>This paper is conducted to study the appropriateness level of the three Arabic syllabi used by the faculty of muamalat and Islamic finance at the Islamic University College of Perlis (KUIPs) for two programs that are diploma and bachelor's degree. This study is based on the researcher's initial observations on some students in muamalat at the postgraduate level that cannot understand the Arabic text related to the area of muamalat. This study's methodology is qualitative where the data is obtained through a library study that is by referring to books, journals, and three Arabic syllabi used by the faculty. The three syllabi refer to two for the bachelor's degree program and the other for the diploma program. Then the researchers analyse the data collected using a content analysis technique. The results show that the diploma program syllabus has an element of muamalat in the Arabic syllabus offered. However, the muamalat element is only touched on in one topic of the 11 major topics in the syllabus studied. In contrast, the two Arabic syllabi offered for the bachelor's degree program do not touch on the muamalat element in the topics offered. Therefore, the study suggests the addition of muamalat elements in the Arabic syllabus for the diploma program. As for the Arabic language syllabus for the bachelor's degree program, muamalat elements must be included in both syllabi offered. This is important to produce students who are proficient in Arabic focused on the field of muamalat.</i></p> <p>Keywords: Syllabus, Arabic, Faculty, Muamalat, KUIPs.</p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap kewajaran silibus bahasa Arab yang dilaksanakan oleh Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Kajian ini bertitik tolak daripada pemerhatian awal pengkaji terhadap sebilangan para pelajar dalam bidang muamalat di peringkat pengajian pascasiswazah tidak mampu untuk memahami dengan baik teks arab yang berkaitan dengan bidang muamalat. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif di mana data diperolehi melalui kajian kepustakaan iaitu dengan merujuk kepada buku, jurnal dan silibus Bahasa Arab yang digunapakai oleh pihak fakulti yang ingin dikaji. Kemudian pengkaji melakukan analisis kandungan terhadap data yang diperolehi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat elemen muamalat dalam silibus bahasa Arab yang</i></p>

ditawarkan, walau bagaimanapun elemen tersebut hanya disentuh dalam satu topik daripada 11 topik besar dalam silibus yang dikaji. Oleh itu, kajian mencadangkan agar ditambah lagi elemen-elemen muamalat dalam silibus bahasa Arab di fakulti muamalat dan kewangan Islam tersebut agar ia mencapai objektif pihak fakulti dalam melahirkan pelajar yang mahir dalam bahasa Arab yang berfokus kepada bidang muamalat.

Kata kunci: *Silibus, Bahasa Arab, Fakulti, Muamalat, KUIPs.*

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang amat istimewa di sisi umat Islam. Ini kerana, ia merupakan bahasa yang digunakan oleh umat Islam terutama ketika melakukan ibadah seperti solat dan membaca al-Quran (Ahmad Farid & Muhammad Anas, 2018). Selain itu, sumber ilmu yang berkaitan dengan agama Islam juga adalah dalam bahasa Arab, maka untuk memahami apa jua bidang yang berkaitan dengan agama Islam hendaklah seseorang itu memahami bahasa Arab dengan baik (Latifah Salim, 2015). Justeru, apabila seseorang ingin menentukan sesuatu transaksi menepati kehendak Islam, maka ia hendaklah memahami bahasa Arab dengan baik. Ini kerana, rujukan-rujukan utama dalam bidang muamalat adalah dalam bahasa Arab (Yuslina Mohamed et al., 2018).

Bidang muamalat merupakan bidang yang amat kritikal pada hari ini. Ini kerana, terdapat pelbagai jenis industri yang dibangunkan adalah berkaitan dengan bidang tersebut seperti perbankan Islam, syarikat halal, sukuk, syarikat takaful dan lain-lain. Justeru, sudah pasti industri-industri tersebut memerlukan tenaga pakar yang mengetahui hal ehwal muamalat Islam secara komprehensif untuk mengendalikan industri tersebut agar menepati kehendak Syariah. Pertumbuhan industri-industri tersebut secara pesat telah menyebabkan banyak institusi pengajian tinggi khususnya di Malaysia membina dan membentuk program bagi menampung keperluan terhadap industri-industri tersebut seperti program perbankan Islam, kewangan Islam, takaful, Akaun Islam, Pengurusan halal dan lain-lain sama ada pengajian di peringkat diploma, ijazah, master dan PhD (Muhammad Ikmal Hilmi, 2016).

Bidang muamalat amat berkait rapat dengan bahasa Arab yang merupakan bahasa rujukan utama dalam bidang tersebut. Justeru, para pelajar dalam bidang muamalat tidak boleh lari daripada menguasai bahasa tersebut (Sukma Mehilda, 2017). Oleh itu, program muamalat yang dibangunkan hendaklah dimasukkan kursus bahasa Arab yang sesuai dengan objektif program tersebut agar para graduan yang dilahirkan dapat menguasai istilah-istilah Arab yang terdapat dalam produk-produk perbankan Islam seperti *wa'ad, ibra', bay' bithaman ajil, musharakah mutanaqisah, ta'wid* dan lain-lain (Muhammad Shahrul Ifwat & Fathullah Asni, 2020). Selain itu, kursus bahasa Arab yang diterapkan juga dapat memberi kemampuan kepada para pelajar untuk membaca dan memahami rujukan-rujukan yang berkaitan dengan muamalat dalam bahasa Arab sama ada rujukan tersebut adalah bersifat *turath* mahupun moden (Sukma Mehilda, 2017).

Berdasarkan kepada kepentingan elemen bahasa Arab dalam bidang muamalat, maka amat penting untuk dikaji dan dianalisis silibus program muamalat di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda khusus di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Hal ini bertitik tolak daripada pemerhatian awal pengkaji terhadap para pelajar program muamalat di peringkat master di salah sebuah universiti adalah tidak mampu untuk memahami dengan baik teks Arab yang berkaitan dengan bidang muamalat. Oleh itu, kajian ini penting untuk dilaksanakan agar silibus bahasa Arab yang dimasukkan dalam program adalah selari dengan tujuan program yang ingin dilaksanakan.

Dari sudut kajian lepas, menurut Ahmad Farid & Muhammad Anas (2018), perbincangan mengenai hubungan di antara bahasa Arab dan bidang muamalat kurang dilakukan. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut iaitu dengan menyumbang dan menambah sorotan kajian berkaitan bahasa Arab dan bidang muamalat.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan silibus bahasa Arab muamalat dan kewangan Islam. Kajian tersebut dapat dibahagikan kepada beberapa sudut yang berikut:

Ciri-Ciri Silibus Kursus Yang Komprehensif

Silibus adalah rancangan pembelajaran terhadap sesuatu subjek atau tema tertentu yang merangkumi standard kompetensi, kecekapan asas, bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, petunjuk pencapaian kecekapan untuk penilaian, peruntukan masa, dan sumber pembelajaran (Mohd Fauzi Hamat et al., 2007).

Silibus yang baik memiliki ciri-ciri (1) relevansi, iaitu kesesuaian antara kompetensi yang diharapkan dan pengalaman belajar dengan kehidupan seharian. (2) Konsisten, ertinya penyusunan silibus mestilah selaras antara keseluruhan komponen yang ada dalam silibus. (3) *Adequate*, iaitu lengkap atau tidak sukatan pelajaran yang dipelajari dengan kecekapan yang diinginkan. (4) Ilmiah, ertinya silibus yang disusun dapat dipertanggungjawabkan secara keilmuan dan memperhatikan perkembangan dan keperluan pelajar. (5) Sistematis, iaitu setiap sukatan pelajaran mempunyai kesinambungan yang integrasi (Mohd Fauzi Hamat et al., 2007).

Pada peringkat pendidikan di Institut Pengajian Tinggi (IPT), silibus pengajian yang dilaksanakan berfokus kepada dua aspek utama iaitu program akademik dan program bukan akademik yang mana kedua-duanya terbahagi kepada tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Ketiga-tiga domain ini adalah merujuk kepada tiga jenis pembelajaran yang diperkenalkan oleh Benjamin Bloom pada tahun 1956 yang merangkumi aspek pembangunan intelek atau pengetahuan (kognitif); perasaan dan sikap (afektif) dan kemahiran fizikal (psikomotor) (Kapt PA Ahmad Shazrin Mohamed Azmi et al., 2014). Abdul Rahman Tu'aimah (1989) menyatakan bahawa pengajaran bagi tujuan khusus untuk golongan tertentu hendaklah mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang tertentu bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

Menurut Phil Benson & Peter Voller (1997) pula, bagi meningkatkan pergantungan pelajar kepada diri mereka sendiri, dan bagi menggalakkan rasa kepunyaan, kebertanggungjawaban dan berkeupayaan untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat, penyusun kursus perlu mencadangkan satu kurikulum yang membekalkan pelajar dengan kemahiran belajar dan strategi.

Pengajaran Bahasa Arab Yang Komprehensif

Terdapat banyak kajian telah dijalankan bagi mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat institusi pendidikan di Malaysia. Kajian ini dilihat sebagai satu usaha positif bagi memastikan kelangsungan proses memperkasa pengajian bahasa Arab di Malaysia. Namun, proses pembelajaran bahasa Arab tidak sewajarnya hanya tertumpu pada kelompok yang berada di institusi pendidikan sahaja, ia kadang kala perlu melalui proses kerjasama atau proses urusan pekerjaan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu diperluaskan kepada umum yang melibatkan tujuan-tujuan tertentu (Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Muhammad Anas Al-Muhsin, 2018).

Pengajaran dan pembelajaran perlu memberi fokus kepada aplikasi secara praktikal terhadap strategi membaca, interaksi individu dan kumpulan dengan teks, penggunaan kamus sebagai sumber untuk pemahaman dan pengayaan perbendaharaan kata secara sendiri. Kedua-dua bacaan secara intensif dan ekstensif untuk kefahaman ditekankan. Penumpuan juga diberikan kepada aspek membaca dengan kuat untuk pembelajaran bahasa Arab (Margaret Larkin, 1995).

Pembacaan dengan kuat dilaksanakan melalui aktiviti *Reader's Theater* menggunakan teks sastera (Margaret Larkin, 1995). Pembacaan Teater ini memberikan penumpuan terhadap tatabahasa, aplikasi praktikal morfologi asas bahasa Arab dan tatabahasanya untuk membantu kefahaman dan cara penggunaan kamus. Walaupun penekanan terhadap *i'rab* sangat ditekankan dalam kelas pengajaran bahasa Arab

tradisional, namun, ia diberikan penekanan yang sangat minima, kerana peranannya dalam pemahaman boleh diabaikan dan kadangkala ia boleh menghalang kefahaman (Khaldieh Salim, 2001).

Kajian Hakim Zainal et. al (2012) mengenai penilaian dan penambahbaikan sistem penilaian subjek PZ6013 Bahasa Arab Pengukuhan 1 menyatakan bahawa prinsip-prinsip reka bentuk yang mendasari kursus tersebut seperti pengajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran autonomi, dan penilaian mendidik berhasil dalam meningkatkan keyakinan pelajar, motivasi dan kemahiran untuk berinteraksi dengan teks bahasa Arab. Ia juga telah membawa kepada beberapa penambahbaikan dalam aspek morfologi dan sintaksis yang penting untuk kefahaman bacaan. Penambahbaikan sikap dan tatacara dalam penggunaan kamus Arab-Arab berbanding kamus lain juga membantu pelajar menjadi lebih pintar dan bebas dalam bacaan mereka.

Kaitan Silibus Dan Bahasa Arab

Kajian berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dan sebab yang menghalang penguasaan bahasa Arab telah dijalankan terhadap 130 orang pelajar Sarjana Muda bahasa Arab di lima buah universiti awam iaitu UPM, UKM, UM, UIAM dan USIM. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah, sama ada di dalam ataupun luar bilik kuliah. Tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah itu disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman adalah perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Dapatan kajian ini memberi implikasi praktikal terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab dalam usaha mempertingkatkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar (Ab Halim Mohamad, 2009).

Terdapat beberapa buku aktiviti, kamus dan lain-lain berkaitan muamalat telah dihasilkan oleh para penulis seperti Al-Hayah: Kamus Istilah Muamalat yang ditulis oleh Mohd Soberi Awang (2011). Kamus ini menerangkan secara ringkas istilah-istilah muamalat yang digunakan oleh para sarjana Islam klasik dan juga kontemporari.

Mohammad et. al (2012) mendapati pendekatan dakwah melalui medium perbankan Islam dapat dilakukan dalam keadaan golongan sasaran datang menemui pendakwah, dengan maksud masyarakat seluruhnya datang ke bank-bank Islam bagi memenuhi keperluan kewangan sama ada secara individu, keluarga, perniagaan, institusi dan juga kerajaan. Dalam kajian ini juga, banyak Istilah-istilah Islam dan Arab yang diguna pakai menunjukkan pentingnya pengetahuan asas bahasa Arab dalam berurusan di bank-bank Islam.

Mohamad Fitri & Zaitul Azma (2014) pula dalam kajian mereka melihat kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai medium wacana sistem kewangan Islam (muamalat) yang berkembang dalam sistem ekonomi konvensional mengalami proses pasang dan surut. Hal ini dilihat melalui penerbitan laporan tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bermula dari awal penubuhannya pada tahun 1984 hingga 1997 yang menggunakan format dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Praktis sosial muamalat ini didapati telah mempengaruhi penggunaan bahasa khususnya dari segi penggunaan kata/istilah. Hasil yang ditemui ialah kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, serta kata/istilah gabungan Arab - Melayu dalam teks ulasan operasi pengarah urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) versi bahasa Melayu. Hal ini bermakna penggunaan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen serta kata/istilah gabungan Arab - Melayu bukan dibuat secara bebas tetapi bertujuan mendukung dan memperteguh konsep ihsan yang merupakan praktis dalam sosial muamalat.

Seterusnya kajian bagi mengenal pasti manifestasi praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough, dan menganalisis teks yang mendasari pembentukan wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Kajian ini

menggunakan kaedah analisis wacana Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dijadikan sebagai bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah ihsan yang dimanifestasi melalui penggunaan kata/istilah. Dari segi leksikal pula didapati wacana muamalat bukan sahaja menggunakan kata/istilah Melayu bukan lazim dan kata/istilah Arab tulen dalam teks berbahasa Melayu, malah terdapat juga penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Arab (Mohamad Fitri & Zaitul Azma, 2014).

Terdapat beberapa kajian mengenai bahasa Arab dan muamalat dalam kalangan pelajar kewangan Islam yang dilakukan antaranya kajian Ahmad Farid & Muhammad Anas (2018) bertajuk 'Analisis Keperluan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kewangan Islam Di Universiti Sultan Azlan Shah', kajian ini melihat tajuk kursus yang diguna pakai serta mengenal pasti kepentingan bahasa Arab dan keperluan bahasa Arab asas dan istilah kewangan yang diguna pakai dalam kursus PBA6013-Bahasa Arab untuk Muamalat di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Hasil kajian ini mencadangkan garis panduan bagi merangka satu modul bahasa Arab yang sesuai untuk bidang muamalat di universiti-universiti di Malaysia.

Selain itu, kajian Nor Zahidah Ahmad & Muhammad Anas Al Muhsin (2019) mendapati keperluan kepada bahasa Arab lebih tertumpu kepada aspek kosa kata dan istilah kewangan dan perbankan. Selain itu, penggunaan dan pemilihan bahan pengajaran autentik seperti video dilihat relevan dengan latar belakang demografi pegawai (umur, tahap bahasa, keluarga). Kajian tersebut mencadangkan pembinaan kurikulum yang menyeluruh dari segi kesesuaian kandungan modul dengan keperluan dan minat pelajar, pedagogi yang kreatif dan inovatif bercirikan mesra pelajar dan struktur pengurusan pendidikan yang seiring dengan kehendak dan keperluan semasa Pendidikan 4.0.

Terdapat juga kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti pengetahuan serta keperluan istilah bahasa Arab dalam kalangan pelanggan di institusi perbankan. Dapatan kajian mendapati 53.7% bersetuju dan 21.8% sangat bersetuju bahawa satu modul bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman pelanggan di institusi perbankan perlu dibangunkan. Oleh yang demikian, usaha bagi memperluaskan penggunaan istilah bahasa Arab khususnya perkara yang melibatkan kewangan Islam di institusi perbankan ini wajarlah disokong dan dibantu (Ahmad Farid Fadhli Mustafa, Muhammad Anas Al Muhsin, and Mohd Yahya Mohd Hussin, 2019).

Ahmad Farid & Mohd Yahya (2020) pula menjalankan kajian mengenai penggunaan bahasa Arab di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan istilah bahasa Arab serta muamalat Islam yang digunakan di Institusi kewangan oleh pegawai dan mengetahui penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan di BIMB dan MAIPk. Kajian yang dijalankan terhadap 50 orang pegawai di BIMB dan MAIPk (Bahagian Zakat, Baitulmal & Waqaf) di Ipoh ini mencadangkan satu garis panduan bagi merangka pembangunan modul bahasa Arab untuk muamalat yang bersesuaian sebagai kegunaan Institusi pengajian tinggi di Malaysia bagi persediaan untuk pekerjaan.

Latar Belakang Fakulti Muamalat Dan Kewangan Islam KUIPs

Fakulti Muamalat & Kewangan Islam telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2019 sebagai fakulti baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dengan menyediakan kursus pengurusan perniagaan dalam bidang Muamalat, Kewangan Islam, Ekonomi Islam dan Pengurusan Islam yang berinovatif dan berkesan.

Objektif penubuhan fakulti ini adalah untuk (1) mengendalikan program penyelidikan, pembelajaran dan perkhidmatan berkualiti serta bertaraf dunia bagi menghasilkan graduan, sarjana dan saintis yang seimbang dalam pengetahuan, ketaatan kepada Allah S.W.T dan mempunyai sifat sayangkan negara dan rakyatnya; (2) menjelajah, membangun dan mengembangkan bidang Muamalat dan Kewangan Islam menerusi penyelidikan, seminar dan penerbitan sebagai perintis dan menggunakan pengetahuan untuk pembangunan masyarakat dan negara, selaras dengan ajaran Islam yang murni dan

sempurna; (3) memupuk dan menghayati nilai-nilai manusia yang berlandaskan kesetiaan, moral, etika dan sifat bertanggungjawab, berdasarkan nilai-nilai murni Islam kepada semua masyarakat, termasuk pelajar, graduan, ulama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan sokongan, untuk menyumbang kepada pembangunan agama, negara dan masyarakat; (4) memupuk komuniti pelajar dan ahli sains yang mempunyai daya saing yang tinggi sama ada secara tempatan atau global, yang saling menghormati, konsisten dan mampu bergerak bebas untuk menghasilkan individu Muslim yang moden dan progresif; (5) mewujudkan hubungan dengan semua peringkat masyarakat, industri, kerajaan, dan badan profesional untuk memupuk kerjasama dan bersama-sama menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan semua.

Fakulti ini mempunyai tiga jabatan utama iaitu Jabatan Pentadbiran Muamalat, Jabatan Kewangan Islam dan Jabatan Hospitaliti & Industri Halal. Sehingga kini fakulti ini menawarkan enam program akademik meliputi peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda iaitu Asasi Muamalah, Diploma Perbankan Islam, Diploma Pengurusan Harta Islam, Diploma Pengurusan Masjid, Ijazah Sarjana Muda Perbankan Dan Kewangan Islam (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Muamalat (Kepujian) (Pengurusan Harta).¹

METODOLOGI

Metodologi kajian ini bersifat kualitatif di mana data diperolehi melalui kajian kepustakaan iaitu dengan merujuk kepada buku, jurnal dan silibus bahasa Arab yang digunapakai oleh fakulti muamalat dan kewangan Islam, KUIPs. Kemudian pengkaji melakukan analisis kandungan terhadap data yang diperolehi untuk melihat tahap kewajaran topik-topik yang dibincangkan terhadap para pelajar di fakulti tersebut.

HASIL KAJIAN

Dapatan daripada kaedah analisis data bertujuan untuk melihat tahap kewajaran kandungan kursus bahasa Arab yang digunakan untuk program Diploma Perbankan Islam, Diploma Pengurusan Harta Islam, Ijazah Sarjana Muda Perbankan Islam (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Muamalat (Kepujian) (Pengurusan Harta) di Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, KUIPs. Kursus-kursus tersebut terdiri daripada DAL 2072: Arabic for Muamalah 1, BAS 4063: Arabic for Communication dan BAS 4073: Arabic for Academic Purposes. Antara topik-topik yang dibincangkan dalam kursus-kursus tersebut ialah:

BIL.	KANDUNGAN KURSUS
1.	<p>Introduction to Arabic Language</p> <ul style="list-style-type: none"> - Arab countries and its titles - Arabic letters - Long vowel (alif, waw and ya) - Short vowel (fathah, kasrah and dhommah) - Muhmalah and Mu'jamah letters - Harakat and Syiddah - Nouns with and without ta' marbutah - Nouns versus verbs in the same spelling/word - Moon and Sun articles - Hamzah Wasl and Fasl - Written Arabic letters (begin - middle - end)

¹ Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam. kuiips.edu.my: <http://kuiips.edu.my/v4/fakulti-muamalat-dan-kewangan-islam-2-2/> (Diakses pada 1 Februari 2021)

2.	Greetings and Daily Expressions <ul style="list-style-type: none"> - Informal greetings (e.g. hi, hello, how do you do, how are you) - Formal greetings (e.g. good morning, good afternoon, good evening) - Taking leave (e.g. goodbye, see you again, i have to go) - Classroom expressions (e.g. do you understand, please answer, any questions)
3.	Pronouns <ul style="list-style-type: none"> - First person, second person, third person pronouns - Separating and connecting pronouns with nouns - Verbs and tenses (e.g. mudhari?, madhi, amr and nahi) - Gender pronouns - muzakkar and muannath (signs of muannath) - Differentiation of short and long form of gender pronoun characters (hamzah and alif mamdudah) - Singular (mufrad), and plural (muthanna and jamak) - Categories of jamak (muzakkar salim, muannath salim and taksir)
4.	Personal Description <ul style="list-style-type: none"> - Self-introduction (full name, nickname, country, race) - Gender, age, marital status - Numbers (0-30) - Family members - Application forms - Asking and answering business questions
5.	Ambitions and Hobbies <ul style="list-style-type: none"> - Professions and hobbies - Adjectives related to ambitions (mudof and mudofon ilaih) - Adjectives related to hobbies (sifat wal mausuf) - Adverbs (hal)
6.	Numbers and Time <ul style="list-style-type: none"> - Number (e.g. Telephone, vehicle number, i/c number) - Time - Date, day, month and year - Festivals, weather and seasons
7.	Daily routines and activities <ul style="list-style-type: none"> - I wake up at - I take my breakfast at - I go to class at - I come back from class at about - Every morning i - Every week i - Asking for and replying to questions about daily activities
	Food and Beverages <ul style="list-style-type: none"> - Name of food and beverages - Shopping venues (e.g. supermarket, restaurant and food court) - Different tastes (e.g. sweet, sour, bitter) - Breakfast, lunch and dinner - Ordering food and asking for bill
8.	Shopping <ul style="list-style-type: none"> - Signs and notices in shops (e.g. toilet, lift, cashier) - Characteristics of products (colour, shape, size, weight, packaging) - Mode of payment (cash, credit card) - Asking for and replying to enquiries on price, discount and location
9.	Conversation in Office <ul style="list-style-type: none"> - Conversation with officemate/manager

	<ul style="list-style-type: none"> - Conversation in meeting - Conversation in work presentation - Conversation in ceremony
10.	<p>Conversation in Banks</p> <ul style="list-style-type: none"> - Numbering - Counter Conversation - Bank's Documents - Shariah contracts in Banking product
11.	<p>Locations and Directions</p> <ul style="list-style-type: none"> - Prepositions of places (e.g. Behind, opposite, in front of) - Offering help with locations and directions (e.g. Can i help you?, are you lost?) - Describing locations and giving directions (e.g. Turn left, turn right, go straight) - Asking for locations and directions (e.g. Can you tell me?, may i know where?)

Jadual 1: DAL 2072: Arabic for Muamalah 1

Kandungan kursus dalam jadual 1 membincangkan pengenalan asas bahasa Arab dari sudut huruf bahasa Arab, baris, kaedah penulisan huruf bersambung dalam satu perkataan dan pengenalan terhadap beberapa kata nama dan kata kerja. Selain itu, ia juga membincangkan kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga, tiga jenis kata kerja, kata nama mengikut gender, kata tunggal dan kata *jama'* beserta kategorinya. Di samping itu, ia juga memperkenalkan nombor, masa dan kata nama arah dalam bahasa Arab.

Seterusnya, kursus ini mengetengahkan perbualan mengenai topik-topik umum dalam kehidupan seharian dan perhubungan sesama manusia seperti perkataan-perkataan yang biasa digunakan semasa perkenalan dan perjumpaan, ucapan ketika memperkenalkan diri, perbualan mengenai cita-cita dan hobi, perbualan mengenai rutin dan aktiviti harian, jenis dan rasa makanan serta tempat-tempat untuk membeli belah. Di samping itu, ia juga menyentuh mengenai perbualan di pejabat dan bank (DAL 2072: Arabic for Muamalah 1; Dokumen MQA01/02 Fakulti).

Daripada keseluruhan topik yang dibincangkan dalam kandungan kursus ini iaitu sebanyak 11 topik, hanya 1 topik yang menyentuh secara langsung mengenai muamalat dan kewangan Islam iaitu perbualan di bank. Hal ini bermakna perbincangan mengenai bahasa Arab muamalat dan kewangan Islam hanyalah 9.1% daripada keseluruhan topik-topik dalam kandungan kursus ini.

BIL.	KANDUNGAN KURSUS
1	قراءة القصص البسيطة كتابة قصة قصيرة
2	قراءة المقالة من الجريدة كتابة نموذجية
3	قراءة الرسائل المختلفة (الرسالة الرسمية وغير الرسمية) كتابة الرسائل
4	القراءة من الكتاب المعاصر/الموضوعي (من كتاب فقه الأولويات ليوسف القرضاوي)
5	القراءة من كتاب التراث (الحديث الأول من كتاب جامع العلوم والحكم)

	القراءة من كتاب التراث
6	القراءة من كتاب التراث (تفسير سورة الفاتحة من كتاب التفسير النسفي)
7	الكتابة من موضوعات مختلفة المقالة الإسلامية مقالة العلم

Jadual 2: BAS 4063 Arabic for Communication

Kandungan kursus dalam jadual 2 mempunyai tujuh topik. Ia menumpukan kemahiran membaca teks-teks dalam bahasa Arab yang bertujuan untuk melatih pelajar bagi mengungkapkan lafaz bahasa Arab dengan betul. Kemahiran ini tertumpu kepada pembacaan terhadap kisah-kisah, makalah dalam surat khabar dan surat sama ada rasmi atau tidak rasmi. Selain itu, ia juga menekankan pembacaan terhadap kitab-kitab berbahasa Arab sama ada kitab turath atau moden.

Bacaan terhadap kitab turath tertumpu kepada bacaan tafsir dan hadith, manakala bacaan terhadap kitab moden dikhususkan kepada kitab *fiqh al-awlawiyat* karangan Yusuf al-Qaradawi. Di akhir kursus ini, para pelajar diminta untuk menulis beberapa makalah ilmiah sebagai Latihan (BAS 4063 Arabic for Communication; Dokumen MQA01/02 Fakulti). Penelitian terhadap keseluruhan topik yang dibincangkan dalam jadual 2, ia juga tidak menyentuh elemen muamalat secara langsung.

BIL.	KANDUNGAN KURSUS
1.	أقسام الكلمة العربية (الاسم الفعل الحرف) الجملة وشبه الجملة تعريف سريع لبعض المصطلحات العامة في علم النحو (الاسم النكرة-الاسم المعرفة-التنوين الاسم المفرد-الاسم المثنى-الجمع-المصدر-الفعل الماضي-الفعل المضارع-فعل الأمر- حروف العلة)
2.	الاسم من حيث الإعراب والبناء: الأسماء المبنية: الضمير اسم الإشارة الاسم الموصول اسم الشرط اسم الاستفهام الأعداد المركبة من ١١ إلى ١٩ (ما عدا ١٢) بعض الظروف المبنية أسماء الأفعال
3.	الأسماء المعربة: الأسماء المرفوعة:

	<p>المبتدأ والخبر اسم كان أو إحدى أخواتها خبر إن أو إحدى أخواتها الفاعل نائب الفاعل التابع للاسم المرفوع</p>
4.	<p>الأسماء المنصوبة: خبر كان اسم إن المفعول به المفعول المطلق المفعول لأجله المفعول معه المفعول فيه (ظرفا الزمان والمكان) الحال المستثنى المنادى التمييز التابع للاسم المنصوب</p>
5.	<p>الأسماء المجرورة: المجرور بحرف الجر المجرور بالإضافة التابع للاسم المجرور</p>
6.	<p>الفعل من حيث البناء والإعراب: المبنية من الأفعال: الفعل الماضي الفعل لأمر حالات الفعل المضارع المبنية</p>
7.	<p>الفعل المضارع المعربة:</p>

	المضارع المرفوع المضارع المنصوب المضارع المجزوم
8.	الفعل المضارع المعربة: المضارع المرفوع المضارع المنصوب المضارع المجزوم

Jadual 3: BAS 4073 Arabic for Academic Purpose

Kursus dalam jadual 3 mengandungi lapan topik utama. Secara asasnya, ia menyentuh topik-topik mengenai sintaksis Arab bermula dengan pembahagian kalimah dan ayat serta istilah-istilah umum mengenai ilmu sintaksis Arab. Seterusnya ia menyentuh pembahagian kata nama yang dimulai dengan kata nama *bina'* disusuli dengan jenis kata nama *mu'rab*. Kursus ini kemudiannya membincangkan kategori kata kerja dari sudut *bina'* dan *i'rab* (BAS 4073 Arabic for Academic Purpose; Dokumen MQA01/02 Fakulti). Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan topik yang dibincangkan dalam jadual 3, tidak terdapat elemen muamalat yang disentuh dalam kandungan kursus ini.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya silibus dalam jadual 1 menyentuh mengenai elemen muamalat. Walau bagaimanapun, elemen muamalat yang terdapat dalam jadual 1 adalah amat sedikit. Sementara silibus bahasa Arab dalam jadual 2 dan 3, adalah tidak menyentuh mengenai elemen muamalat dalam kedua-dua silibus tersebut.

Dapatan kajian ini didapati tidak seiring dengan hasrat pihak fakulti untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam bahasa Arab yang berfokus kepada bidang muamalat (Dokumen MQA01/02 Fakulti). Tambahan lagi apabila bidang muamalat amat mementingkan penguasaan dalam bahasa Arab sebagai bahasa rujukan utama dalam bidang tersebut. Hal ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Farid & Muhammad Anas (2018) dan Nor Zahidah Ahmad & Muhammad Anas Al Muhsin (2019), iaitu amat penting untuk memasukkan elemen muamalat dalam silibus bahasa Arab agar ia dapat mencapai objektif bidang iaitu memahami bahasa Arab yang khusus kepada bidang muamalat. Secara tidak langsung ia dapat melahirkan pelajar yang menguasai bahasa Arab dalam bidang muamalat.

Selain itu, kepentingan bahasa Arab dalam bidang muamalat adalah apabila produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam di Malaysia masih lagi menggunakan istilah Arab (Fathullah Asni, 2020). Demikian juga resolusi-resolusi mengenai isu muamalat yang dikeluarkan adalah sebahagiannya didapati dalam bahasa Arab (Fathullah Asni, 2019; Muhammad Fathullah & Jasni Sulong, 2018). Justeru, pemerhatian khusus terhadap istilah dan resolusi tersebut perlu dipadankan dengan baik dalam silibus bahasa Arab yang ditawarkan kepada para pelajar dalam bidang muamalat dan kewangan Islam.

Daripada sudut perbandingan di antara silibus bahasa Arab di FMKI ini dengan silibus bahasa Arab di universiti lain, para pengkaji mengambil contoh silibus bahasa Arab yang dikenali sebagai kursus PBA6013: Bahasa Arab Untuk Muamalat di mana ia digunakan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Pemilihan kursus ini berdasarkan kajian analisis mengenai keperluan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kewangan Islam di USAS yang telah dijalankan oleh Mustafa

dan Anas (2018) iaitu seramai 60 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam dijadikan responden dalam kajian ini. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa 58.3% responden bersetuju bahawa mereka memperoleh maklumat bahasa Arab dalam kursus kewangan Islam. Kajian tersebut juga mendapati bahawa 43.3% responden bersetuju bahawa mereka memahami istilah-istilah Arab yang terdapat dalam muamalat dan produk-produk perbankan Islam seperti *wadiah*, *bai' bithaman ajil*, *bai' al-'inah*, *al-ijarah* dan lain-lain. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati 48.3% responden bersetuju bahawa mereka mampu menguasai bahasa Arab khusus dalam bidang kewangan Islam apabila mempelajari subjek bahasa Arab.

Berdasarkan dapatan soal selidik dalam kajian tersebut mendapati 65% responden bersetuju bahawa penggunaan bahasa Arab adalah penting dalam kewangan Islam dan urusan muamalat. Kajian tersebut juga menunjukkan 61.7% responden bersetuju dengan penggunaan istilah perbankan dalam bahasa Arab. Selain itu, 75% dalam kalangan responden menyatakan keperluan buku panduan atau modul pembelajaran bahasa Arab khusus untuk muamalat bagi pelajar kewangan atau perbankan.

Penelitian terhadap dapatan kajian yang dibuat oleh Ahmad Farid & Muhammad Anas (2018) itu menunjukkan bahawa kandungan kursus yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam mempunyai ciri-ciri silibus yang baik iaitu relevansi, yang bermaksud kesesuaian antara kompetensi yang diharapkan dan pengalaman belajar dengan kehidupan seharian berkait dengan muamalat dan kewangan Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi kandungan kursus ini yang menyentuh mengenai perbualan di pusat-pusat perniagaan, bank, ayat al-Quran dan hadith-hadith mengenai muamalat, *al-istithmar*, halal dan haram dalam muamalat, *ta'min*, *bayt al-mal*, sedekah, zakat, *al-'athiyah*, *al-rah*n dan mata wang antarabangsa.

Selain itu, kursus bahasa Arab untuk muamalat yang digunakan oleh USAS ini dapat dikategorikan sebagai pengajaran bahasa Arab bagi tujuan khusus untuk golongan tertentu iaitu para pelajar dalam bidang muamalat dan kewangan Islam, maka kandungan kursus ini dilihat dapat mencapai ciri-ciri silibus yang baik kerana di antara ciri-cirinya ialah kursus itu hendaklah mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang tertentu bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif. Hasil kajian yang dijalankan oleh Ahmad Farid & Muhammad Anas (2018) adalah positif kerana dimasukkan elemen muamalat ke dalam 12 topik yang terdapat dalam silibus bahasa Arab yang ditawarkan.

Justeru berdasarkan kepada hasil perbincangan dalam kajian ini, para pengkaji mencadangkan agar dilakukan penambahbaikan iaitu dengan menambah elemen-elemen muamalat dalam bilangan yang munasabah terhadap ketiga-tiga silibus yang dikaji. Ini kerana, penambahbaikan tersebut dijangkakan dapat membawa impak yang besar kepada para pelajar di FMKI untuk menguasai selok belok bahasa Arab yang khusus dalam bidang muamalat terutama melibatkan rujukan-rujukan bahasa Arab dalam bidang muamalat sama ada moden dan *turath*, istilah-istilah Arab dalam kontrak dan produk, dialog-dialog yang berkaitan dengan isu-isu muamalat dan kewangan Islam serta lain-lain.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kepentingan elemen bahasa Arab yang menjadi bahasa rujukan utama dalam bidang muamalat, para pelajar dalam bidang tersebut tidak dapat tidak perlu menguasai bahasa ini. Selaras dengan kepentingan tersebut, kandungan kursus bahasa Arab hendaklah dimasukkan ke dalam program-program muamalat yang dibangunkan. Justeru, satu kajian tahap kewajaran kandungan kursus bahasa Arab di bawah program-program fakulti muamalat dan kewangan Islam di KUIPs perlu dijalankan agar dapat mengenalpasti dan menganalisis kandungan kursus sedia ada. Hal ini agar kursus bahasa Arab yang ditawarkan dapat dikenalpasti kesesuaiannya dengan objektif pembangunan program-program tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya silibus pada peringkat diploma iaitu *DAL 2072: Arabic for Muamalah 1* sahaja yang menyentuh mengenai elemen muamalat. Walau bagaimanapun, elemen muamalat yang terdapat dalam kursus tersebut adalah

amat sedikit. Sementara silibus bahasa Arab pada peringkat ijazah sarjana muda iaitu *BAS 4063 Arabic for Communication* dan *BAS 4063 Arabic for Communication*, adalah tidak menyentuh mengenai elemen muamalat dalam kedua-dua silibus tersebut. Limitasi kajian ini hanya melibatkan analisis terhadap silibus kursus. Untuk kajian lanjutan, dicadangkan agar satu kajian lanjutan mengenai analisis terhadap kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah bagi kursus-kursus ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Tu'aimah. 1989. *Ta'lim Al-'Arabiyyah Li Ghayr Al-Natiqin Biha Manahijuha Wa Asalibuhu*. Rabat: ISESCO.
- Margaret Larkin. 1995. *The Role for Close Reading in the Elementary Arabic Curriculum*. In M. Al-Batal (ed.) "The Teaching of Arabic as a Foreign Language: Issues and Directions". Provo: American Association of Teachers of Arabic, 157-173.
- Mohd Soberi Awang. 2011. *Al-Hayah: Kamus Istilah Muamalat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Phil Benson & Peter Voller. 1997. *Autonomy and Independence in Language Learning*. New York: Longman.

Jurnal

- Ab Halim Mohamad. 2009. *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. JIAE: Journal Of Islamic And Arabic Education, 1-14.
- Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Mohd Yahya Mohd Hussin. 2020. *Kajian Penggunaan Bahasa Arab di Bank Islam Malaysia Berhad dan MAJlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK)*. Muslim Journal Of Social Science And Humanities, 4(3), 144-156.
- Ahmad Farid Fadhli Mustafa, Muhammad Anas Al Muhsin & Mohd Yahya Mohd Hussin. 2019. *Keperluan Istilah Arab di Kalangan Pelanggan Perbankan*. Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (JISED), 4(18), 1-11.
- Fathullah Asni. 2019. *History of the Establishment and Development of Islamic Banking in Malaysia*. International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences, 9(6), 305-315.
- Fathullah Asni. 2020. *Management of Fatwa Standardisation on the Practice of Bay' 'Inah Contract in Malaysia: An Analysis According to Usul al-Fiqh and Mura'ah al-Khilaf Method*. Qualitative Research in Financial Markets.
- Khaldieh Salim. 2001. *The Relationship Between Knowledge of I'rab, Lexical Knowledge and Reading Comprehension of Non-Native Readers of Arabic*. The Modern Language Journal, 85(3), 416-431.
- Latifah Salim. 2015. *Peranan Bahasa Arab Terhadap Ilmu Pengetahuan*. Jurnal Adabiyah, 168-176.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusof & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. *Istilah Melayu dan Arab dalam Wacana Muamalat*. Jurnal Bahasa, 14(1), 93-118.
- Mohammad Taqiuddin Mohamad, Joni Tamkin Borhan & Mohd Afifuddin Mohamad. 2012. *Potensi Perbankan Islam Sebagai Medium Baru Perkembangan Dakwah di Malaysia*. Jurnal Usuluddin, (35), 117-142.
- Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Azizi Che Seman, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Faizuri Abd Latif & Faridah Che Husin. 2007. *Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian di SMKA Negeri Melaka*. Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 8(1), 207-240.
- Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong. 2018. *The Model of Istibat by the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(1), 12-23.

- Muhammad Shahrul Ifwat Ishak & Fathullah Asni. 2020. *The Role Of Maqasid Al-Shari'ah In Applying Fiqh Muamalat Into Modern Islamic Banking In Malaysia*. Journal of Islamic Accounting and Business Research.
- Nor Zahidah Ahmad & Muhammad Anas Al Muhsin. 2019. *Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Pegawai Shariah di Bank-Bank Islam di Malaysia: Idea untuk Pendidikan 4.0*. Muslim Journal Of Social Science And Humanities, 3(2), 246-257.
- Sukma Mehilda. 2017. *Hubungan Bahasa Arab dan Ekonomi Islam*. Iqtishaduna: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita, 160 - 177.
- Yuslina Mohamed, Mikail Ibrahim, Wan Azura Wan Ahmad, & Zainal Abidin Hajib. 2018. *Bahasa Arab Untuk Pengajian Islam: Keperluan Dan Autentik*. Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities, 93-106.

Seminar & Prosiding

- Ahmad Farid Fadhli Mustafa & Muhammad Anas Al-Muhsin. 2018. *Analisis Keperluan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Kewangan Islam di Universiti Sultan Azlan Shah*. Seminar Serantau Peradaban Islam. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 514-526.
- Hakim Zainal, Kaseh Abu Bakar, Maheram Ahmad & Md. Nor Abdullah. 2012. *Penilaian dan Penambahbaikan Sistem Penilaian Subjek PZ6013 Bahasa Arab Pengukuhan I di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM*. Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-6.
- Kapt PA Ahmad Shazrin Mohamed Azmi, Lt M. PA Yasmin Ahmad, Lt M. Kushairi, and Lt M. PA Suhailah Adilah. 2014. *Relevan Silibus KOR SISPA dalam Pembentukan Mahasiswa yang Seimbang*. Seminar Kebangsaan KOR SISPA IPT Kali-3. Kangar: Universiti Malaysia Perlis, 1-10.

Disertasi

- Muhammad Ikmal Hilmi. 2016. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Alumni Program Studi Ekonomi Islam Universitas Islam Indonesia untuk Bekerja di Lembaga Keuangan Syariah*. Skripsi Sarjana Ekonomi Islam. Yogyakarta: Universitas Islam Indonesia.

Internet

- Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam. kuips.edu.my: <http://kuips.edu.my/v4/fakulti-muamalat-dan-kewangan-islam-2-2/> (Diakses pada 1 Februari 2021)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.